

Pembinaan surau baharu Pondok Pok Kob terjejas, kos binaan meningkat

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 21 November 2023, 8:45 am



SURAU Pondok Pok Kob di Kampung Pantai, Chenor memerlukan sumbangan orang ramai bagi disiapkan sebelum musim tengkujuh dan Ramadan akan datang. – UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

MARAN: Surau baharu dua tingkat Madrasah Raudah Al-Muhibbin atau lebih dikenali Pondok Pok Kob di Kampung Pantai, Chenor di sini memerlukan dana RM50,000 bagi menyiapkan surau tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mudir, Barkatullah Mohd. Bahari, 40, berkata, walaupun bahan utama surau itu dibina daripada rumah lama tradisional Melayu tetapi kos upah buka, angkut, bina, simen, pasir dan pendawaian meningkat secara mendadak ketika ini.

ADVERTISEMENT

Katanya, surau itu sudah 70 peratus siap tetapi kekurangan dana menyebabkan pelaksanaannya terganggu terutama proses pendawaian dan pembelian alatan elektrik.

“Madrasah ini memerlukan surau lebih luas dan tinggi, bebas banjir kerana pelajar bertambah dan dijadikan pertemuan pendakwah tanah air.

“Sasaran siap dijangka selewat-lewatnya sebelum Ramadan akan datang,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, rumah lama tradisional Melayu Pahang yang diwakafkan waris pemiliknya itu mempunyai struktur kukuh dan kayu keras jenis cengal serta resak tidak dimakan anai-anai.

Katanya, rumah itu milik Bilal Bakar dari Kampung Pesagi dan Manja Adam dari Kampung Macang Gelap.

“Struktur bangunan dileraikan dan diangkut ke tapak baharu di sebelah surau seorang wali Allah dikenali Imam Salam di Kampung Pantai sekitar abad ke-17 yang menjadi penyebar Islam di Pahang dan nusantara.

“Kayu yang digunakan pemilik asal dengan ukiran menarik lambang kesenian warisan Pahang masih kukuh walaupun berusia ratusan tahun ditinggalkan,” katanya.

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun Tetuan Surau Kampung Pantai,
06028010068535 (Bank Islam). – UTUSAN